


Kesungguhan PSM memudahkan pendaftaran pelajar baharu UMSKAL

UB 5.9.2018 B3

KERJA keras dan komitmen kakitangan dan Pembimbing Suai Mesra (PSM) telah membantu memudahkan proses pendaftaran pelajar baharu Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) bagi sesi pengambilan akademik 2018/2019.

Malah, layanan mesra dengan senyuman dan sopan santun membuatkan tugas yang diamanahkan oleh pihak pengurusan UMS dan UMSKAL itu berjalan lancar sejak Sabtu lalu.

Ketua Sektor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Nur Iman Reedzal berkata pelajar baharu yang datang ke Wilayah Persekutuan Labuan menerusi Lapangan Terbang Labuan dan



PELAJAR baharu berurusan di kaunter Sektor HEPA di Dewan Utama UMS Labuan.

terminal feri telah disambut oleh PSM yang dibantu pegawai serta kakitangan.

"Alhamdulillah, proses pendaftaran pelajar baharu berjalan lancar seperti mana yang dirancang.

Komitmen dan kesungguhan pegawai, kakitangan serta Pembimbing Suai Mesra memudahkan lagi proses itu," katanya.

Beliau ditemui selepas mengiringi Pengarah

UMSKAL Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik dan Timbalan Pendaftar Kanan Zamri Haji Mohamad Tuah meninjau proses pendaftaran universiti di Dewan Utama pada Isnin.

Kira-kira 625 pelajar baharu telah mengesahkan untuk melanjutkan pengajian mereka di UMSKAL bagi sesi pengambilan akademik 2018/2019.

Daripada jumlah itu, 508 orang akan mengikuti pembelajaran di Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) manakala 117 pelajar lagi di Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI).

Pelajar baharu itu akan mengikuti Minggu Suai Mesra (MSM) selama tiga hari hingga Jumaat ini.



NUR Iman (tiga kiri) berinteraksi dengan ibu bapa sambil diperhatikan Zamri (kiri) dan Ketua Sektor Pentadbiran Mas Adi (dua kiri).

Nur Iman berkata ahli jawatankuasa MSM dan PSM telah menjalankan tugas mereka dengan baik seperti mana yang diharapkan Timbalan Naib Canselor (HEPA) UMS Prof Dr Ismail Ali dan Murnizam.

"Semua AJK yang terlibat amat prihatin terhadap kebajikan pelajar baharu termasuk yang menghadapi masalah kesihatan. Kerjasama ibu bapa juga banyak membantu melancarkan proses

pendaftaran pelajar baharu pada sesi kali ini," katanya. Sementara itu, tinjauan di Dewan Utama dan kolej kediaman mendapati urusan pendaftaran berjalan lancar hasil kesungguhan semua AJK MSM.